

**TEKS UCAPAN
YANG BERHORMAT DATO' SRI
HAJI FADILLAH HAJI YUSOF
MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA**

**SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN
PROJEK MENAIKTARAF JALAN KUCHING-SERIAN
DARI BATU 10 KE BATU 15, KUCHING, SARAWAK**

**PADA
10 DISEMBER 2015 (KHAMIS)**

Bismillahirrahmanirrahim,
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia
Terima Kasih Pengacara Majlis,

YB DATO SRI MICHAEL MANYIN ANAK JAWONG,
MENTERI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR & PERHUBUNGAN
SARAWAK

YB. AHLI-AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK,

YBRS. TUAN ABDUL RAZAK BIN JAAFAR
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (DASAR & PEMBANGUNAN)
KEMENTERIAN KERJA RAYA

YBHG. DATO' JOSPHINE JULIANA ARUL
SETIAUSAHA BAHAGIAN PEMBANGUNAN & PENSWASTAAN
KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA

YBHG. DATUK IR. HAJI ADANAN BIN MOHAMED HUSSAIN
KETUA PENGARAH KERJA RAYA MALAYSIA

YBHG. DATO' SRI PROF. IR. DR. JUDIN BIN ABDUL KARIM
KETUA EKSEKUTIF
LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA
(CIDB)

DIF-DIF JEMPUTAN

Selawat Dan Salam,

1. Alhamdulillah, marilah kita merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya dapat kita bersama-sama di Majlis Perasmian Projek Menaiktaraf Jalan Kuching-Serian dari Batu 10 ke Batu 15, Kuching, Sarawak. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada urusetia majlis ini sama ada dari Kementerian Pembangunan Infrastruktur & Perhubungan, Kementerian Kerja Raya atau jabatan-jabatan serta agensi-agensi dari Negeri Sarawak yang berusaha mengadakan majlis ini dengan jayanya.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

2. Jalan Kuching-Serian dari Batu 15 hingga Bandar Serian telah dinaiktaraf kepada 4 lorong 2 hala pada tahun 2005 manakala jajaran dari Batu 10 ke Batu 15 ini masih 2 lorong 2 hala dan menyebabkan “*bottleneck*” yang membawa kepada kesesakan trafik. Ini dibuktikan dengan Tahap Kapasiti Trafik atau Level of Service (LOS) peringkat ‘F’ di jajaran *missing link* ini berikutan peningkatan aliran trafik selepas siapnya naiktaraf Jalan Kuching-Serian dari Batu 15 ke Bandar Serian.

3. Keadaan jalan ini yang berada pada tahap kesesakan trafik yang teruk selalu mendapat aduan daripada orang ramai dan selalu diberi liputan dalam media massa. Setelah dibuat kajian terhadap keperluan naiktaraf jalan ini, projek ini akhirnya telah diluluskan pelaksanaannya oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun 2014 dalam Rolling Plan Ke-4 Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10).

4. Kementerian yakin pelaksanaan projek naiktaraf jalan ini apabila siap kelak bakal memberi impak sosial dan ekonomi kepada pembangunan di Kuching khususnya dan di Negeri Sarawak amnya. Jalan ini apabila siap kelak dijangka memberi impak yang signifikan seperti;

- i. Menyediakan rangkaian jalan raya yang lebih selesa dan sempurna bagi menampung peningkatan aliran trafik tahun demi tahun;
- ii. Meningkatkan keselamatan dan mengurangkan kadar kemalangan jalan raya kerana jalan sedia ada adalah sempit yang membahayakan pengguna jalan raya yang ingin memotong kenderaan di hadapan.
- iii. Merangsang kegiatan ekonomi di sepanjang laluan dengan pertambahan pusat perumahan, pusat komersial dan lain-lain.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

5. Pada kesempatan ini juga, sukacita saya jelaskan kedudukan terkini pelaksanaan Lebuhraya Pan Borneo Sarawak (LPBS) yang menjadi tumpuan umum. Untuk makluman, projek ini telah pun bermula setelah Projek Jajaran Permulaan dari Simpang Nyabau ke Simpang Bakun, Bintulu, Sarawak dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri. Projek permulaan sepanjang 43km ini kini sedang rancak dilaksanakan dan dijangka siap sepenuhnya pada Oktober 2017.

6. Selanjutnya, jajaran jalan baru dari Telok Melano ke Sematan sepanjang 33km telah dilancarkan pada 15 September 2015. Manakala baki jajaran Lebuhraya Pan Borneo Sarawak yang lain, iaitu dari Sematan ke Miri sepanjang 746km akan ditender secara berperingkat sepanjang tahun 2016. Semua pakej-pakej kerja pelaksanaan Lebuhraya Pan Borneo Sarawak ini dijangka siap menjelang tahun 2022.

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. Apa yang terus diharapkan adalah sokongan tuan/puan semua terhadap Kerajaan Persekutuan dalam melaksanakan agenda-agenda pembangunan infrastruktur di Sarawak. Kerajaan sentiasa prihatin dan menyedari akan harapan rakyat untuk melihat kemajuan negeri ini selari dengan sasaran kerajaan untuk mencapai taraf Negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Oleh yang demikian, saya menyeru tuan/puan untuk terus memberikan keyakinan kepada Kerajaan untuk memastikan kesinambungan pembangunan dan kemajuan negeri ini.

8. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah berusaha menjayakan majlis ini. **Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Projek Menaiktaraf Jalan Kuching-Serian dari Batu 10 ke Batu 15, Kuching, Sarawak.**

Sekian. Wabillahitaufiq Walhidayah Wassalamu'alaikum Wa Rahmatullahi Wa Barakatuh. Terima Kasih.